



Jabatan Audit Negara
Malaysia

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 50.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan Kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaysia Terengganu yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 30.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Universiti Malaysia Terengganu telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(NADHIRAH BINTI HAJI ABDUL WAHAB)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUALA TERENGGANU
11 JULAI 2017



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM** dan **PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,


.....
NAMA : **MOHAMMED AZLAN
BIN HASHIM**

GELARAN : **DATO'**

TARIKH : **10 JUL 2017**

TEMPAT : KUALA TERENGGANU


.....
NAMA : **NOR AIENI BINTI HAJI
MOKHTAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : **10 JUL 2017**

TEMPAT : KUALA TERENGGANU

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Saya, **ZAHARA BINTI KEDRI (No.KP: 631218-13-5110)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
ZAHARA BINTI KEDRI }
di Kuala Terengganu }
di Negeri Terengganu }
pada **10 JUN 2017** }



BENDAHARI

Di hadapan saya,



LOT 51, TINGKAT BAWAH
MENARA WAKAF ISLAM TERENGGANU
JALAN SULTAN OMAR
21000 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016**

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2016	2015	2016	2015
	RM	DINYATAKAN SEMULA RM	RM	DINYATAKAN SEMULA RM
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	385,160,052	403,805,015	385,080,798
Perbitaan Dalam Kemajuan	5	12,323,559	3,494,562	12,323,559
Peleburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	2,100,000
Peleburan Penghutang	7	454,605	482,144	454,605
Cukai Tertunda	32	12,592	8,114	-
		<u>397,950,818</u>	<u>407,789,835</u>	<u>399,958,962</u>
ASET SEMASA				
Peleburan Penghutang	7	10,165,091	1,009,300	8,431,033
Wang Cagiran dan Prabayar	9	778,513	218,154	277,935
Peleburan Jangka Pendek	10	2,935,338	4,300,171	2,935,338
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	11	240,468,829	258,166,969	240,187,935
REPO	10	16,900,000	1,450,000	16,900,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	12	1,955,076	436,794	919,891
		<u>273,202,847</u>	<u>268,481,388</u>	<u>269,652,132</u>
LIABILITI SEMASA				
Peleburan Pemutang	13	6,570,587	5,847,462	4,948,054
Pemutang Sewa Beli	14	33,600	33,600	-
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	15	501,000	451,000	501,000
Peruntukan Cukai		17,103	10,967	-
		<u>7,122,290</u>	<u>6,343,029</u>	<u>5,449,054</u>
ASET SEMASA BERSIH				
		<u>266,080,557</u>	<u>262,138,359</u>	<u>264,203,078</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG				
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	15	56,291,000	47,450,000	56,291,000
Geran Tertunda	17	413,085,717	427,578,810	413,085,717
Pemutang Sewa Beli	14	19,600	53,200	-
		<u>469,396,317</u>	<u>475,082,010</u>	<u>469,376,717</u>
		<u>194,635,058</u>	<u>194,846,184</u>	<u>194,785,323</u>
DIBIAYAI OLEH :				
KUMPULAN WANG MENGURUS	16	47,567,007	52,569,379	47,567,007
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	18	19,351,026	23,939,272	19,351,026
KUMPULAN WANG PELABURAN	19	80,590,177	80,703,724	80,590,177
KUMPULAN WANG TABUNG LAIN	20	19,574,621	18,959,935	19,574,621
KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR	21	3,577,052	3,164,324	3,577,052
KUMPULAN WANG KOLEJ KEDIAMAN	22	7,520,262	7,368,031	7,520,262
KUMPULAN WANG TABUNG KEWANGAN UNIVERSITI	23	16,605,178	8,000,719	16,605,178
KERUGIAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI				
		(150,265)	-	-
		<u>194,635,058</u>	<u>194,846,184</u>	<u>194,785,323</u>

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016	2015 DINYATAKAN SEMULA	2016	2015 DINYATAKAN SEMULA
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM
Pemberian Kerajaan	24	175,061,107	190,522,106	175,061,107	190,522,106
Pemberian Modal Okrealisasi	17	23,893,093	26,329,078	23,893,093	26,329,078
Pelbagai Yuran		24,196,163	23,448,191	24,196,163	23,448,191
Pelbagai Sewa		864,323	623,622	864,323	623,622
Dividen, Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah		9,163,109	8,691,265	9,148,522	8,680,909
Denda		2,773,114	884,938	2,773,114	864,938
Sumbangan		3,038,571	3,007,037	3,038,571	3,007,037
Hasil Aktiviti Anak Syarikat		509,164	47,935	-	-
Pendapatan Lain	25	4,602,893	1,622,800	4,602,893	1,622,800
		<u>244,101,537</u>	<u>255,156,972</u>	<u>243,577,786</u>	<u>255,098,681</u>
PERBELANJAAN					
Emoluman	26	107,597,241	97,147,534	107,251,691	97,033,835
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	27	39,732,279	46,460,086	39,666,547	46,627,359
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		12,307,644	16,056,447	12,304,843	16,052,518
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	28	37,095,853	40,130,817	37,041,788	40,116,543
Biasiswa dan Dormasiwa		2,996,604	3,080,160	2,996,604	3,080,160
Pemberian Dalam Negeri		1,044,317	1,000,710	1,044,317	1,000,710
Ganjaran		1,295	253,837	1,295	253,837
Gantikan Cuti rehat		9,376,076	4,161,646	9,376,076	4,161,646
Pelunasan/Susut Nilai	4	27,380,988	28,574,871	27,334,209	28,531,875
Hutang Ragu	8	474,520	166,156	474,520	166,156
Kerugian Atas Pelaburan	10	685,173	-	685,173	-
Bayar Belik dan Hapus Kira		189,995	227,522	189,995	227,522
Perbelanjaan Lain		5,533,655	5,183,400	5,502,158	5,171,499
		<u>244,506,640</u>	<u>242,443,186</u>	<u>243,869,216</u>	<u>242,423,660</u>
(Kurangan)/Lewatan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(405,103)	12,713,786	(291,430)	12,675,021
Cukai	31	(15,390)	(8,118)	-	-
(Kurangan)/Lewatan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		(420,493)	12,705,668	(291,430)	12,675,021

**PERNYATAAN PERUBAHAN KEUANGAN KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2016**

Nota	Kumpulan Wang									
	Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Pelesenan	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Nucliaman	Tabung Kawangan	Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2016										
Dinyatakan Semula										
Pada 1 Januari	52,559,379	427,578,610	21,939,272	80,783,724	18,959,938	3,194,324	7,368,831	8,660,719	(564)	522,434,036
Pelesenan Tahun Lepas	-	-	-	-	-	-	-	-	904	904
Kesan Menggugurpahal MPERS	(413,085,717)									(413,085,717)
Segerti Yang Dinyatakan Semula	52,559,379	14,692,003	21,939,272	80,783,724	18,959,938	3,194,324	7,368,831	8,660,719	-	209,328,277
Lebihan / (Kurangan)	(5,025,702)	-	(4,458,434)	7,821,150	653,357	223,728	151,431	295,040	(129,063)	(420,468)
Pencapaian Atas Pertambahan Wang	23,330	-	(178,812)	(8,345,266)	(38,871)	190,000	-	8,249,419	-	-
Pelesenan Peruntukan Rossmil ke atas Pelesenan Jenjang Rendah	-	-	-	230,569	-	-	-	-	(21,202)	209,367
Gejala Modal Tertunda	-	(14,493,003)	-	-	-	-	-	-	-	(14,493,003)
	47,557,007	-	19,351,026	80,590,177	19,574,621	3,377,052	7,520,262	16,909,178	(180,266)	194,635,058
2015										
Dinyatakan Semula										
Pada 1 Januari	48,447,365	493,277,888	24,246,363	73,516,980	18,262,536	2,715,429	7,184,085	7,800,453	(20,620)	615,512,482
Pelesenan Tahun Lepas	-	-	(23,029)	-	-	-	-	-	(32,193)	(55,193)
Kesan Menggugurpahal MPERS	(427,578,810)									(427,578,810)
Segerti Yang Dinyatakan Semula	48,447,365	5,699,078	24,223,363	73,518,080	18,262,536	2,735,429	7,184,085	7,800,453	(52,813)	187,878,479
Lebihan / (Kurangan)	6,629,550	-	(857,566)	6,128,792	365,249	63,984	189,790	269,266	30,547	12,705,668
Pencapaian Atas Pertambahan Wang	(507,536)	-	573,475	(803,000)	472,150	304,911	-	-	-	-
Peruntukan Rossmil ke atas Pelesenan Jenjang Rendah	-	-	-	(61,061)	-	-	-	-	22,166	(38,895)
Gejala Modal Tertunda	-	(5,699,078)	-	-	-	-	-	-	-	(5,699,078)
	52,559,379	-	23,939,272	80,783,724	18,959,938	3,164,324	7,368,831	8,660,719	-	194,846,184

Nota-nisa yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI UNIVERSITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Nota	Kumpulan Wang									
	Mengurus RM	Pembangunan RM	Penyelidikan RM	Pelaburan RM	Tabung Lain RM	Kursus dan Seminar RM	Kolej Kodaman RM	Tabung Kewangan RM	Jumlah RM	
20										
2016										
Dinyatakan Semula										
Pada 1 Januari	52,569,379	(427,578,810)	23,939,272	80,783,724	18,959,935	3,164,324	7,368,831	8,060,719	622,424,994	
Pelaksanaan Tahun Lepas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Kesan Menggunapakai MPERS		(413,085,717)							(413,085,717)	
Seperti Yang Dinyatakan Semula	52,569,379	14,403,063	23,939,272	80,783,724	18,959,935	3,164,324	7,368,831	8,060,719	209,339,277	
Lebih / (Kurang) / Pendapatan Atas Perbelanjaan	(5,025,702)	-	(4,408,494)	7,821,150	653,357	222,728	151,431	295,040	(281,430)	
Pindahan Antara Kumpulan Wang	23,330	-	(178,812)	(8,245,266)	(38,671)	190,000	-	8,249,419	-	
Pelaksanaan Peruntukan Rosokotik Ke atas Pelaburan Jangka Pendek	-	-	-	130,569	-	-	-	-	230,569	
Geran Modal Tertunda	-	(14,483,093)	-	-	-	-	-	-	(14,483,093)	
	47,567,007	-	19,351,026	80,590,177	19,574,621	3,577,052	7,520,262	16,605,178	194,785,323	
2015										
Dinyatakan Semula										
Pada 1 Januari	48,447,365	433,277,888	24,246,363	73,518,983	18,262,536	2,795,429	7,184,085	7,800,453	615,933,102	
Pelaksanaan Tahun Lepas	-	-	(23,000)	-	-	-	-	-	(23,000)	
Kesan Menggunapakai MPERS		(427,578,810)							(427,578,810)	
Seperti Yang Dinyatakan Semula	48,447,365	5,699,078	24,223,363	73,518,983	18,262,536	2,795,429	7,184,085	7,800,453	187,931,292	
Lebih / (Kurang) / Pencapaian Atas Perbelanjaan	4,629,550	-	(857,566)	8,128,792	265,249	63,984	184,746	260,266	12,675,021	
Pindahan Antara Kumpulan Wang	(507,536)	-	573,475	(803,000)	432,150	304,911	-	-	-	
Peruntukan Rosokotik Ke atas Pelaburan Jangka Pendek	-	-	-	(61,051)	-	-	-	-	(61,051)	
Geran Modal Tertunda	-	(5,699,078)	-	-	-	-	-	-	(5,699,078)	
	52,569,379	-	23,039,272	80,783,724	18,959,935	3,164,324	7,368,831	8,060,719	194,846,184	

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2016	2015	2016	2015
		RM	DINYATAKAN SEMULA RM	RM	DINYATAKAN SEMULA RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Tunai Diterima Dari Kerajaan		184,461,107	211,152,106	184,461,107	211,152,106
Tunai Diterima Dari Pelanggan		37,862,040	38,559,523	39,518,905	38,216,818
Tunai Dibayar Kepada Pembekal dan Kakitangan		(206,991,272)	(210,943,551)	(207,923,071)	(217,765,586)
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi		15,331,875	38,768,078	16,056,941	31,603,338
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	4	(4,421,575)	(6,681,258)	(4,397,340)	(6,680,272)
Pembayaran Kepada Akaun Pembinaan Dalam Kemajuan dan Perolehan Peralatan	5	(13,201,960)	(9,968,917)	(13,201,960)	(9,968,917)
Tambahan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Penjualan/(Pembelian) Pelaburan Jangka Pendek	10	-	-	(1,500,000)	-
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan		(16,028,133)	(17,725,069)	(17,503,898)	(17,724,083)
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pemiatang Sewa Boi	14	(33,600)	(33,600)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan		(33,600)	(33,600)	-	-
Penambahan/Pengurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		(729,858)	21,009,409	(1,446,957)	20,997,255
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		260,053,763	239,044,354	259,454,783	238,457,528
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		259,323,905	260,053,763	258,007,826	259,454,783
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwujudkan Oleh:					
Simpanan Tetap (At-Mudharabah)	11	240,468,829	258,166,969	240,187,935	257,896,000
REPO	10	16,900,000	1,450,000	16,900,000	1,450,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	12	1,955,076	436,794	919,891	108,783
		259,323,905	260,053,763	258,007,826	259,454,783

Nota-nota yang diselinkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

- a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009).
- b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.
- c. Pada 31 Disember 2016, UMT mempunyai kakitangan seramai 1,704 orang dan jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 10,190 yang terdiri daripada 1,018 pelajar ijazah lanjutan serta 9,172 pelajar ijazah pertama dan pelajar diploma.
- d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2016 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 19 Jun 2017.
- e. Penyata kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan mengikut piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawain Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuaian peruntukan yang telah

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1997.

b. Peralihan Kepada Rangka Kerja MPERS

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, MPERS telah diaplikasikan dalam penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti. Tarikh peralihan kepada piawaian perakaunan MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

Pemakaian MPERS adalah dilaksanakan secara menyeluruh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kumpulan dan Universiti telah menyatakan semula angka perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 bagi menunjukkan kesan menerima pakai MPERS.

Pelarasan semasa peralihan perlu dibuat secara retrospektif ke atas baki awal Kumpulan Wang pada 1 Januari 2015. Walau bagaimanapun pemilihan menerima pakai rangka kerja MPERS tidak memberi kesan yang signifikan kepada penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan universiti selain daripada yang dinyatakan di nota 35.

MPERS memperuntukkan beberapa pengecualian mandatori dan pengecualian bukan mandatori untuk permohonan retrospektif. Sebelum ini, Universiti membentangkan Penyata Kewangan terkini menggunakan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS).

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

c. Pematuhan Awal Kepada Pindaan MPERS (2015)

MASB telah meluluskan pindaan kepada MPERS pada Oktober 2015 yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017 dengan pemakalan awal adalah dibenarkan. Kumpulan dan Universiti tidak memilih pemakalan awal bagi Pindaan MPERS 2015.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Sebelum ini, penyata kewangan disediakan menggunakan piawaian *Private Entity Reporting Standards* (PERS) yang diluluskan di Malaysia.

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Subsidiari adalah perusahaan yang dikuasai oleh Universiti. Penguasaan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa langsung atau tidak langsung untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi untuk mendapat faedah daripada aktivitinya. Penyata Kewangan Subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Kewangan Disatukan daripada tarikh kawalan berkuatkuasa sehingga lanya berakhir.

Mengikut kaedah perakaunan penyatuan, hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dijual pada tahun semasa dimasukkan daripada tarikh penyatuan atau sehingga tarikh jualan. Pada tarikh

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

penyatuan, nilai saksama bersih aset subsidiari ditentukan dan nilainya ditunjukkan di dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos penyatuan dan nilai saksama bersih aset subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan.

Urusniaga dan baki dalam Kumpulan dan keuntungan tidak direalisasikan dikeluarkan semasa penyatuan. Kerugian tidak direalisasikan hasil daripada urusniaga dalam Kumpulan dikeluarkan juga kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

c. Pengiktirafan Pendapatan

i. Yuran

Pendapatan yuran pengajian adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

ii. Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berdasarkan asas akruan iaitu apabila inbois/bil dikeluarkan kepada yang berkenaan.

iii. Faedah

Faedah atas simpanan tetap telah dilakaunkan mengikut konsep akruan manakala faedah simpanan semasa dan faedah pinjaman kenderaan serta komputer diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar penerimaan.

iv. Denda

Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Bagi denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh undang-undang.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

v. Pemberian Kerajaan

Pemberian Kerajaan selain geran pembangunan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima. Pemberian Kerajaan untuk projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Modal Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan.

vi. Sumbangan Luar

Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.

vii. Hasil Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hasil jualan harta yang dilupus direkodkan dalam akaun pendapatan lain mengikut asas tunai manakala catatan untuk melaraskan nilai dibawa direkodkan sebagai perbelanjaan hapus kira pelupusan.

d. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Hutang lapuk dihapuskan setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

e. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai serta didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.

ii. Aset dalam pembinaan adalah aset yang telah diperolehi, namun masih tidak dapat digunakan dan dinyatakan pada kos perolehan.

iii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

f. Pelunasan/Susut nilai

i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.

ii. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20
Kenderaan	20
Kemudahan	5
Aset Tetap Lain	20

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

g. Penjejasan Nilai Aset

Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa akan disemak jika terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai. Kerugian penjejasan nilai dikira apabila amaun yang dibawa melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian penjejasan nilai dcaj ke Penyata Pendapatan.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset-aset yang dinilai semula dianggap sebagai defisit penilaian terhadap kepada kerugian berkenaan tidak melebihi rezab penilaian bagi aset berkaitan. Kebalikan penjejasan nilai berikutan pertambahan nilai yang diperolehinya dihadkan kepada jumlah dibawa jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebarang kebalikan penjejasan nilai diiktirafkan sebagai hasil pada penyata pendapatan. Kebalikan kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai tambahan penilaian terhadap kepada amaun yang terdahulunya dinyatakan dalam rezab penilaian bagi aset berkaitan.

h. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

i. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

j. Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada nilai pasaran.

k. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh lembaranimbangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

l. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagangkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

m. Instrumen Kewangan

i) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

ii) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iv) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrument tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrument tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

v) Rosot nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal. Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan sertamerta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan sertamerta.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

vi) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

n. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja. Bayaran gantian cuti rehat (GCR) tahun berikutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa.

ii) Manfaat Jangka Panjang

Manfaat jangka panjang adalah bayaran GCR yang diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang telah meningkatkan hak mereka ke atas bayaran GCR tersebut pada masa hadapan.

Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang adalah berdasarkan kepada andalan berikut:

- (1) Pekerja tetap yang bersara wajib pada umur 56 tahun, 58 tahun dan 60 tahun.
- (2) Semua pekerja menerima kenaikan gaji tahunan pada kadar biasa.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

- (3) Pada tahun 01.01.2017, GCR diambil pada bilangan sebenar manakala pada tahun berikutnya GCR dikumpul sebanyak 5 hari setahun.
- (4) Jumlah GCR terkumpul semua pekerja adalah pada jumlah maksimum 150 hari.

iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, apabila pembayaran bagi pelan ini dilakukan, maka pihak UMT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan.

o. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMT adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan dikecualikan) 2014 P.U. (A) 271. Implikasi di UMT adalah sepertimana berikut:

i. Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

ii. Perintah Relif

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UMT menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UMT boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

NOTA KEPADA PENYATA KEMANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASSET	TANAH (RM)	BANGUNAN (RM)	LOJI DAN SENTRA (RM)	ALAT PELABAT (RM)	PERABOT DAN KELENGKAPAN (RM)	KENDERAAN (RM)	KEMUDAHAN (RM)	ASET TETAP LAIN (RM)	JUMLAH (RM)
609									
Padai 01.01.2016									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	9,718,602	155,300	16,760,319	3,435,004	11,703,122	5,796,349	25,072,943	74,187,109
Perumahan Geras	492,606	376,633,203	6,252,367	31,217,316	5,482,908	15,473,365	34,716,857	83,641,369	942,811,447
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,793	-	1,513,830	84,469	238,673	942,430	5,467,645	8,897,047
Kumpulan Wang Tabung Lab	-	366,383	-	595,664	342,310	202,080	48,104	1,214,634	2,461,311
Kumpulan Wang Kurus dan Semangat	-	415,203	-	24,903	7,360	51,700	-	131,873	618,836
Kumpulan Wang Kolej Kejuruteraan	-	544,100	-	248,946	146,435	81,100	1,773,201	25,359	2,969,285
Spesial Sediakan	-	-	-	28,664	14,457	-	-	-	206,662
Jumlah	1,921,888	388,343,038	6,407,667	50,363,896	9,324,644	27,194,311	37,983,131	115,633,647	637,361,744
Tambahan dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	-	1,041,551	2,028,671	450,432	12,305	43,377	650,643	342,051	4,526,952
Perumahan Geras	-	1,106,987	-	854,366	156,614	-	804,341	142,735	3,107,018
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	105,000	-	-	-	181,338	286,252
Kumpulan Wang Tabung Lab	-	-	-	74,315	5,830	-	-	18,662	139,807
Kumpulan Wang Kurus dan Semangat	-	-	-	52,585	5,830	498,628	-	10,930	498,628
Kumpulan Wang Kolej Kejuruteraan	-	102,208	-	-	7,350	-	66,568	-	200,251
Spesial Sediakan	-	-	-	22,535	-	-	-	-	24,211
Jumlah	-	3,140,326	1,958,671	1,899,130	386,479	543,495	1,310,988	735,373	8,794,538
Pelesenan Akaun/Jurnal Ke MIP									
Kumpulan Wang Mengurus	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Perumahan Geras	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelepasan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(26,363)	-	(664,213)	(72,370)	-	(9,400)	(300,640)	(1,133,337)
Perumahan Geras	-	-	-	(116,056)	-	-	-	(1,030,804)	(1,146,860)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(177,490)	(4,966)	-	(16,130)	(57,558)	(258,272)
Kumpulan Wang Tabung Lab	-	-	-	(45,660)	(27,850)	-	-	(3,358)	(77,118)
Jumlah	-	(26,363)	-	(1,337,769)	(105,186)	-	(19,320)	(1,431,756)	(2,336,287)
Kos Aset									
Kumpulan Wang Mengurus	1,479,279	11,653,479	1,213,671	16,366,579	3,488,999	11,832,180	6,458,794	26,091,220	77,267,448
Perumahan Geras	932,606	377,822,689	6,252,367	31,771,005	5,647,322	15,473,365	25,535,298	82,773,980	944,788,375
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	763,780	-	1,467,394	78,523	238,673	942,430	5,471,417	8,731,027
Kumpulan Wang Tabung Lab	-	265,181	-	515,049	350,240	261,499	45,194	1,270,138	2,721,000
Kumpulan Wang Kurus dan Semangat	-	468,323	-	25,003	7,300	553,238	-	131,473	1,118,289
Kumpulan Wang Kolej Kejuruteraan	-	644,448	-	351,440	146,426	241,109	1,631,800	36,259	3,118,051
Spesial Sediakan	-	-	-	32,629	16,107	-	-	-	250,901
Padai 31.12.2016	1,921,888	391,453,973	7,466,368	50,335,380	9,796,187	27,667,116	31,464,315	114,637,762	838,173,639

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

4. BARTAKAN, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TAMAN (RM)	BANGUNAN (RM)	LOJI DAN SEWERA (RM)	ALAT PEMASAT (RM)	PERABOT DAN RELENGKAPAN (RM)	KEMERAMAN (RM)	KEMUDAHAN (RM)	ASSET TETAP LAIN (RM)	Jumlah (RM)
PELAKSANA/SUPPLIEN/LOJI TERKUMPUL									
Pada 01.01.2016									
Kumpulan Wang Mengurus	149,003	3,091,495	75,378	13,110,934	2,864,261	11,663,388	2,481,389	21,983,457	58,416,355
Perumahan Geran	72,644	43,633,400	1,091,517	24,658,333	6,423,981	8,728,262	9,249,440	65,338,992	190,347,883
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	95,075	-	1,252,821	81,002	155,029	105,878	4,588,385	6,348,161
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	41,000	-	488,002	315,304	201,868	35,278	592,385	1,651,721
Kumpulan Wang Kurus dan Sewaja	-	85,038	-	20,898	7,498	53,777	-	131,517	299,668
Kumpulan Wang Kotor Keseluruhan	-	58,275	-	197,700	144,402	181,115	432,202	113,118	1,032,869
Sewaja Subsidiari	-	-	-	21,528	15,408	89,144	-	-	126,080
Jumlah	231,697	38,085,192	5,077,295	41,211,966	7,065,714	31,089,578	13,268,187	94,458,698	238,228,325
Perolehan/Suatuada Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	9,506	236,028	201,714	811,359	177,091	205,067	321,575	891,982	2,682,142
Perumahan Geran	5,960	7,598,662	3,250,479	2,357,131	634,761	2,675,808	1,353,819	2,087,144	23,296,794
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	2,076	-	154,004	3,289	19,940	31,613	390,237	653,059
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	5,538	-	74,708	10,126	-	2,460	253,613	338,233
Kumpulan Wang Kurus dan Sewaja	-	8,104	-	47,004	1,599	99,866	-	4,326	107,996
Kumpulan Wang Kotor Keseluruhan	-	13,289	-	10,263	43	36,673	81,690	4,326	158,761
Sewaja Subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	46,772
Jumlah	15,466	7,874,487	1,482,193	3,748,847	838,119	3,116,284	1,791,660	6,587,362	27,280,684
Perolehan Alibus									
Kumpulan Wang Kotor Keseluruhan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelepasan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(6,746)	-	(862,388)	(25,078)	-	(860)	(180,039)	(1,306,733)
Perumahan Geran	-	-	-	(130,047)	(4,862)	-	(1,432)	(1,039,252)	(1,185,693)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(178,157)	(4,862)	-	-	(90,444)	(227,125)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(45,946)	(27,799)	-	-	(1,343)	(75,092)
Sewaja Subsidiari	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	-	(4,792)	-	(1,223,531)	(103,840)	-	(3,482)	(1,417,678)	(2,793,250)
Pelepasan/Sepetiakan Terkumpul									
Kumpulan Wang Mengurus	158,559	3,302,774	397,052	15,103,985	3,071,073	11,666,475	3,802,008	24,521,800	60,002,782
Perumahan Geran	78,624	51,229,868	6,353,286	28,595,414	5,060,617	11,603,079	(8,513,255)	71,796,885	184,678,348
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	110,081	-	1,210,718	78,399	126,959	126,959	4,532,179	5,662,308
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	47,211	-	309,849	287,721	301,888	31,738	834,555	1,973,863
